



PASUKAN RISDA bergambar kenangan selepas muncul juara Kejuhan Bola Tampar Terbuka UMP - Mizuno

Pengalaman bantu RISDA juara

Mohd Rafi Mamat

sukan@hmetro.com.my

Kuantan: Pengalaman menjadi kelebihan kepada RISDA untuk menjulang kejuaraan Kejuhan Bola Tampar Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) Mizuno 2017 selepas menewaskan BJST dari Temerloh 2-0 di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini, kelmarin.

Pada perlawanan akhir pasukan bimbingan jurulatih bawah 21 kebangsaan, Abdul Mubin Taib menjinakkan lawan 25-19, 26-24 dalam

masa kira-kira 45 minit untuk membawa pulang RM1,500, baucar Mizuno (RM2,000), medal dan hamper.

BJST menerima RM1,000 serta hadiah sampingan. Tempat ketiga milik FRT (Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang) manakala keempat AFVC.

Mubin berkata, semangat dan persefahaman baik dalam kalangan pemain menjadi kelebihan kepada RISDA muncul juara selepas melalui enam perlawanan peringkat kumpulan tanpa tewas.

"Saya berharap beberapa

kesilapan dilakukan sepanjang kejuhan kali ini dapat diatasi menjelang beberapa kejuhan selepas ini yang dijangka lebih mencabar dengan penyertaan pasukan terbaik peringkat kebangsaan," katanya.

Mubin berkata, dua pemain RISDA turut terpilih menyertai pasukan negara di Indonesia.

Majlis penyampaian hadiah dilakukan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Safie.

Sebanyak 16 pasukan tempatan dan luar menyertai kejuhan tiga hari itu.